



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK ;  
MERAIKAN SYAWWAL  
MENGAMALKAN SUNNAH



ISLAMIC - SAUQUUR - OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "MERAIKAN SYAWWAL MENGAMALKAN SUNNAH".1

|   |  |
|---|--|
| 2 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾   |
| 3 | أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.<br>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.                                   |
| 4 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.   |
| 4 | قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾   |
| 5 | <b>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</b><br><br>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa itu adalah sebaik-baik bekalan untuk hari akhirat. |
| 6 | Khatib mengajak hadirin Jumaat sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah hari ini yang bertajuk <b>"MERAIKAN SYAWWAL MENGAMAL SUNNAH."</b>   |



Alhamdulillah, hari ini kita sudah berada di pertengahan bulan Syawwal, namun begitu bahang berpuasa masih mempengaruhi seluruh jiwa raga orang yang beriman, itulah kesan bagi mereka yang benar-benar rindukan Ramadhan yang telah pergi.

7

Justeru itu, antara amalan yang boleh kita lakukan untuk terus memperoleh ganjaran pahala dan keampunan daripada Allah SWT ialah dengan menghiasi bulan Syawwal ini dengan amalan berteraskan sunnah Rasulullah SAW.

Antara amalan sunat yang sangat digalakkan adalah dengan melakukan puasa sunat selama enam hari pada bulan Syawwal ini. Hadis daripada Abu Ayub al-Ansari Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

8

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

*"Sesiapa yang berpuasa sebulan Ramadhan kemudian diikuti dengan puasa enam hari di bulan Syawwal, maka dia mendapat ganjaran pahala seperti berpuasa sepanjang tahun."*

9

*(Riwayat Muslim).*

Ramadhan yang berlalu merupakan madrasah dan pusat latihan bagi memupuk keimanan melalui tarbiah fizikal dan rohani. Secara zahirnya fizikal orang yang berpuasa adalah lebih baik dari keadaan fizikal orang yang perutnya sentiasa kenyang. Rasulullah SAW sering memilih berpuasa atau mengosongkan perutnya untuk tujuan beribadah kepada Allah SWT. Ini kerana Baginda menyatakan bahawa perut yang kosong akan memudahkan untuk mengawal hawa nafsu serta menjadikan kita manusia yang lembut hati dan mudah bersimpati dengan orang yang kurang berkemampuan. Sesungguhnya kerosakan dan kebinasaan kepada kehidupan manusia di dunia ini banyak didorong oleh kebejatan hawa nafsu yang tidak terkawal.

10



Hal ini telah diterangkan oleh Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 53:

﴿ وَمَا أُبْرِئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾

11

*"Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

12

Selain dari puasa enam dalam bulan Syawwal, kita juga digalakkan untuk memperbanyakkan puasa pada hari Isnin dan Khamis. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina A'isyah Radiallahu'anhuma:

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَتَحَرَّى صَوْمَ الْاِثْنَيْنِ وَالْخَمِيسِ

13

*"Adapun Nabi SAW sentiasa berpuasa pada hari Isnin dan Khamis."  
(Riwayat al-Tirmizi).*



**Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Jadilah insan Rabbani yang sentiasa berpegang dengan pengajaran al-Quran dan al-Sunnah kerana tanpa kedua-duanya kita akan menyimpang dari manhaj Rabbani dan Nabawi. Firman Allah SWT dalam surah ali Imran ayat 79:

14

وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيِّنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

*"Tetapi (sepatutnya dia berkata): Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Taala dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu dan kerana kamu selalu mempelajarinya."*

15

Kalimah **تُعَلِّمُونَ** dan **تَدْرُسُونَ** dalam ayat ini mengikut kaedah Nahu dalam Bahasa Arab menjelaskan kepada kita bahawa proses tarbiah itu adalah sepanjang hayat iaitu perlunya dilakukan seumur hidup kita.

16

Ramadhan sebagai satu madrasah yang mampu mendidik jiwa manusia agar kembali kepada fitrah yang sebenar. Justeru, sesiapa yang melalui Ramadhan dengan penuh ketakwaan dan keimanan nescaya hari rayanya dan sepanjang bulan Syawwal bahkan bulan-bulan seterusnya akan digambarkan dalam bentuk ketaatan dengan meneruskan kelaziman amal ibadahnya dan lain-lain perbuatan baiknya di luar Ramadhan.

17



|  |    |
|--|----|
| <p>Tarbiah bulan Ramadhan yang mendidik kita beramal dengan penuh keimanan dan keikhlasan bukan sahaja mampu menjadikan kita istiqamah dengan amalan solat berjemaah dan memakmurkan masjid, mengekalkan kasih sayang dan memperbanyakkan membaca al-Quran bahkan mampu meninggalkan perbuatan-perbuatan buruk, maksiat dan lain-lain yang dimurkai Allah SWT.</p> | 18 |
| <p>Ambillah kesempatan sempena menyebut bulan Syawwal ini dengan menggandakan amalan sedekah kita kepada golongan yang memerlukan. Teruskan berkata-kata dan menulis perkara yang baik-baik sahaja dan apa sahaja yang kita lakukan adalah menjuruskan kepada ketakwaan kepada Allah SWT termasuklah dalam cara kita berpakaian.</p>                               | 19 |
| <p>Hal ini diperingatkan oleh Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 26:</p> <p>قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَرِّى سَوَءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ التَّقْوَى<br/>ذَلِكَ خَيْرٌ</p>   | 20 |
| <p><i>"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya."</i></p>  | 21 |



Peringatan untuk menutup aurat juga disebut dalam Surah al-Ahzab ayat 33:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ

22

*"Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliah zaman dahulu.."*

Dalam ayat tadi, jelas kepada kita bahawa Islam mewajibkan kita memakai pakaian yang menutup aurat dengan sempurna. Ini bukan bermaksud kita dilarang untuk berhias dan mencantikkan diri, tetapi kita perlu bijak untuk memilih pakaian yang dapat menutup aurat dengan sempurna. Berpakaian menampakkan sebahagian aurat atau menampakkan bentuk aurat pada badan adalah haram dan berdosa besar bagi lelaki dan perempuan.

**Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Kita juga dituntut untuk mengekalkan hubungan silaturahim lebih-lebih lagi dengan suasana Syawwal yang penuh dengan tradisi rumah terbuka dan kunjung mengunjung ini. Sesungguhnya amalan ini harus diteruskan kerana dengannya dapat menjemput rezeki

sebagaimana yang disebutkan dalam hadis daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

*"Sesiapa yang ingin dipermudahkan rezekinya dan ditangguhkan ajalnya (dipanjangkan umurnya) maka hendaklah dia menyambungkan tali silaturahim."*

*(Riwayat al-Bukhari).*



Mengakhiri khutbah kali ini, saya mengajak hadirin Jumaat semua untuk sama-sama mengutip beberapa taujihat yang boleh dihayati dan dijadikan amalan bersama:

1. Umat Islam hendaklah merebut ganjaran puasa enam yang ditawarkan dalam bulan Syawwal ini untuk mendapatkan pahala berlipat kali ganda.
2. Umat Islam hendaklah meneruskan segala amalan yang baik seperti mengekalkan solat berjemaah, memperbanyakkan solat sunat, qiamullail, sedekah dan sentiasa membaca al-Quran dan mentadabburkannya.
3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap amal kebajikan yang dilakukan akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.
4. Umat Islam hendaklah bersabar menghadapi ujian daripada Allah sepertimana sabarnya ketika berpuasa dengan menahan diri daripada lapar dan dahaga serta tuntutan nafsu syahwat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
أَفْعَيْرَ دِينَ اللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُمْ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا  
وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

*"Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu mereka mencari lain dari agama Allah? Padahal kepada-Nyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa dan kepada-Nyalah mereka dikembalikan."*

*(ali Imran : 83).*





|  |    |
|--|----|
| بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ<br>وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. | 30 |
| أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ<br>وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ   | 31 |



## KHUTBAH KEDUA

|   |   |
|---|---|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،   |
| 2 | وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.     |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.   |
| 4 | Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.  |
| 5 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾   |
| 6 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  |
| 7 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 8 | اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.  |



|  |    |
|--|----|
| اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،  | 9  |
| جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.  | 10 |
| اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،   | 11 |
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.  | 12 |
| Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). | 16 |
| Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.  | 17 |



|   |    |
|---|----|
| اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ<br>وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ. | 18 |
| رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.<br>رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾ | 19 |
| عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى<br>عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾                  | 20 |
| فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ<br>فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.                  | 21 |